

APA CERITA DI KAMPUS?

# Forum NUS kongsi evolusi tarian Melayu dengan pengaruh agama



Panel forum, 'Malay Dance: Finding Faith through The Body', (dari kiri) Dr Noramin Farid, Hasyimah Harith dan Dinie Dasuki Osman berkongsi pendapat mereka tentang evolusi tarian Melayu dan langkah yang diambil sebagai pendidik dan pereka tari dalam menangani isu berkaitan agama. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA



Penari daripada NUS Ilsa Tari membuat persembahan 'Serampang 12' yang direka oleh seorang penari Indonesia pada 1940, Sauti. Ia menceritakan kisah dua remaja yang berkenalan lalu jatuh cinta serta menerapkan nilai kesopanan semasa mengenali pasangan. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

**HAKIM NORMAN HASSAN**  
hakimnh@sph.com.sg

Permasalah anda terfikir apakah kaitan agama dengan tarian Melayu dan bagaimanakah ajaran Islam telah mempengaruhi seni tarian tradisional itu?

Itulah yang telah dikupas dalam forum, *Malay Dance: Finding Faith through The Body*, yang diadakan di Black Box, Pusat Seni Stamford pada 17 Februari.

Acara anjuran Persatuan Pengajian Melayu Universiti Nasional Singapura (NUSMSS) bertujuan membincangkan evolusi seni tari seiring peredaran zaman dalam masyarakat Melayu/Islam di Singapura.

Panel forum itu terdiri daripada pengkaji seni tari, Dr Noramin Farid; penggiat tari dan pengasas syarikat tarian P7:ISMA, Hasyimah Harith; dan pendidik tarian, Dinie Dasuki Osman.

Bagi Dr Noramin, beliau berkongsi bahawa terdapat beberapa nilai yang dapat dilihat semasa seseorang mengikut gerak tarian Melayu.

"Para penari akan memulakan tarian dengan postur badan mereka kelihatan menghormati dan merendah diri – berbanding berdiri dengan megah," kongsi beliau.

Dr Noramin turut mengakui adanya unsur budaya dan agama lain dalam tarian Melayu sebelum kedatangan Islam, namun ia telah diubah mengikut konteks hari ini.

"Sebagai contoh, gerak-geri 'sembah salam' tidak relevan dalam konteks ini kerana kita tidak menyembah sesiapa tetapi sekarang ia digunakan sebagai satu isyarat untuk menyambut kedatangan orang.

"Terdapat juga gerak-geri dalam tarian Melayu yang mungkin asalnya daripada tarian India, yang mempunyai elemen Hindu tetapi telah diubah suai bagi masyarakat Melayu/Islam," kata Dr Noramin.

Forum tersebut turut menyentuh tentang persepsi negatif yang mungkin dihadapi segelintir wanita Melayu/Islam yang bergiat aktif dalam tarian Melayu.

Ini termasuk jika seseorang penari itu menari dengan niat mengundang tatapan kaum lelaki serta pa-

kaian yang dianggap terlalu ketat dan pergerakan tarian yang mungkin dianggap kurang sopan.

Hasyimah pula berasa tarian Melayu adalah seni tradisional yang harus diwarisi dan diajar kepada generasi muda.

Namun, beliau menyuarakan pendapat bahawa tarian Melayu itu tidak semestinya dipersembahkan kepada khalayak umum.

Sebaliknya, kaum wanita dan keluarga boleh mempelajari dan melakukannya sebagai satu kegiatan bersama – dalam suasana yang lebih tertutup.

Anggota panel forum turut menghormati bahawa terdapat lebih ramai penari tarian Melayu yang kini bertudung semasa membuat persembahan.

Mereka turut berasa penari yang bertudung tidak wajar disingkirkan, malah, kumpulan tarian boleh menjadi lebih terangkum.

Lantas, Dinie berasa perlunya ada perbincangan dan pengubahsuaian bersama pereka tari supaya penari yang bertudung boleh terus menari bersama kumpulan tarian mere-

ka. Ini termasuk membuat perubahan dari segi pakaian dan juga memahami tahap keselesaan penari.

Dinie turut menegaskan bahawa setiap pereka tari harus tahu niat dan mesej yang ingin mereka sampaikan dalam setiap persembahan tanpa menimbulkan rasa kurang senang penari.

Sementara itu, para hadirin turut disajikan dengan persembahan tarian, *Serampang 12*, oleh kumpulan NUS Ilsa Tari.

Ia direka oleh seorang penari di Indonesia pada 1940, Sauti, yang menceritakan tentang perjalanan dua remaja yang berkenalan dan kemudian jatuh cinta.

"*Serampang 12* direka dengan tujuan untuk mendidik belia ketika itu cara untuk mengenali pasangan mereka dengan cara yang sopan sambil mengetahui batas mereka.

"Sauti telah mereka tarian ini tanpa adanya elemen bersentuhan antara penari lelaki dengan wanita – sebaliknya ia menggunakan sapu tangan untuk gerak-geri yang terakhir," kongsi Dr Noramin.

## NILAI DALAM TARIAN MELAYU

"Para penari akan memulakan tarian dengan postur badan mereka kelihatan menghormati dan merendah diri – berbanding berdiri dengan megah."

– Pengkaji seni tari, Dr Noramin Farid.